




Diselenggarakan oleh Esplanade

Yusof: Portrait of a President

Oleh Teater Ekamatra (Singapura)

21 – 24 Okt 2025

Teater Dermaga Singtel di Esplanade

**Panduan Pendidik
(Selepas Pertunjukan)**

Umur Disyorkan: Menengah

Satu program *60 Connections - At Home and Afar*, musim sepanjang tahun yang memaparkan kisah-kisah Singapura dan gabungan antarabangsa sempena sambutan SG60.

Panduan Selepas Pertunjukan – Yusof Ishak

Tujuan Pembelajaran

1. Memahami peristiwa penting dalam hidup Yusof Ishak.
2. Menghargai peranan Yusof dalam sejarah Singapura.
3. Mengenal pasti cabaran yang beliau hadapi sebelum menjadi presiden.
4. Merenungkan nilai dan sifat kepimpinan yang boleh dicontohi.

Soalan Perbincangan untuk Pelajar

1. Apakah pengajaran terbesar yang anda perolehi daripada teater ini?
2. Apakah soalan atau persoalan baru yang timbul selepas menonton?
3. Bagaimana teater ini memberi inspirasi kepada anda untuk berfikir atau bertindak dengan cara yang berbeza?

Langkah Perbincangan

1. **Ingat semula jalan cerita dan watak**
 - Siapakah watak-watak utama dalam teater ini?
 - Apakah peristiwa penting atau konflik yang berlaku?
 - Bagaimanakah peristiwa itu mempengaruhi Yusof Ishak dan orang di sekelilingnya?
2. **Perkongsian dalam kumpulan**
 - Sila bincang dalam kumpulan kecil atau berpasangan.
 - Gunakan peta minda atau senarai perkara di papan putih untuk berkongsi idea.
3. **Mengaitkan dengan kehidupan sekarang**
 - Apakah persamaan antara tema dalam teater ini dengan isu atau keadaan di Singapura masa kini?
 - Bagaimanakah nilai seperti **kesetiaan**, **maruah**, dan **khidmat untuk masyarakat** boleh diamalkan dalam kehidupan seharian?

Aktiviti 1 – Menyelidik Utusan Melayu

Objektif	Memahami peranan dan kepentingan akhbar <i>Utusan Melayu</i> dalam sejarah Singapura dan hubungannya dengan Yusof Ishak sebagai tokoh penting negara.
Tempoh	30 min

Langkah-langkah:

1. Mulakan dengan perbincangan kelas tentang:
 - Apakah *Utusan Melayu*?
 - Siapakah pembaca utama *Utusan Melayu*? Apakah isu-isu sosial, politik, atau budaya yang diperjuangkan oleh akhbar ini? Mengapa Yusof Ishak mempunyai hubungan rapat atau peranan dalam *Utusan Melayu*?
2. Gunakan sumber tambahan seperti artikel sejarah, arkib digital, atau bahan pembelajaran lain untuk mendalami kefahaman pelajar tentang peranan media dalam membentuk pendapat umum pada zaman itu.
3. Perbincangan lanjutan:
 - Bagaimana media ketika itu mempengaruhi masyarakat berbanding dengan media sosial dan platform digital masa kini?
 - Apakah persamaan dan perbezaan antara peranan *Utusan Melayu* dan media baru hari ini dalam menyampaikan pesan nasional dan memupuk perpaduan?

Aktiviti 2 – Menjadi Wartawan Utusan Melayu

Objektif	Melatih pelajar menulis laporan berita berkesan dalam Bahasa Melayu yang tepat, menarik dan mengandungi maklumat penting berdasarkan penceritaan sejarah dan drama.
Tempoh	45 min

Arahan:

1. Bayangkan anda seorang wartawan *Utusan Melayu* pada era Yusof Ishak. Tugas anda adalah untuk melaporkan peristiwa penting yang berlaku dalam teater tersebut.
2. Pilih salah satu daripada dua tugas berikut:
 - Melaporkan satu adegan penting daripada teater yang anda anggap paling menarik atau ketara.
 - Menulis laporan berita mengenai ucapan terakhir Yusof Ishak dalam teater tersebut.
3. Pastikan laporan berita anda mengandungi:
 - Tajuk berita yang ringkas, kuat dan menarik perhatian pembaca.

- Perenggan pembukaan yang menjawab soalan asas — siapa, apa, bila, di mana, dan mengapa.
- Petikan ucapan atau gambaran peristiwa yang dapat menghidupkan cerita dan menunjukkan nilai atau mesej utama.

4. Contoh tajuk yang sesuai:

“Presiden Yusof Ishak Seru Perpaduan Rakyat Dalam Ucapan Bersejarah”

Pembentangan dan Refleksi

- Galakkan pelajar membaca laporan mereka secara lisan di hadapan kelas.
- Bandingkan dan bincangkan gaya penulisan setiap kumpulan. Apa yang membuat laporan mereka berbeza atau menarik?
- Refleksi bersama: Bagaimana proses menulis berita membantu mereka memahami lebih mendalam tentang watak Yusof Ishak dan nilai kepimpinan yang disampaikan dalam teater?

Ingin ketahui lebih lanjut mengenai seni? Lungsuri www.esplanade.com/schools dan dapatkan maklumat berguna!



Principal Sponsors

A&O SHEARMAN Bloomberg Deloitte.



Principal Sponsor



Supporting Sponsors



Supported By

How's Catering
Matthew Teng
Saw Wei Jie



#EsplanadeSG #WonderHere